



B# - 31/03/2010

### Ke manakah tujuan kita?

**M**ATLAMAT utama Model Ekonomi Baru (MEB) adalah menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi dengan ciri keterangkuman dan kebolehpercayaan menjelang 2020.

Pencapaian satu-satu matlamat tidak seharusnya menjejaskan yang lain. Dalam usaha gigih mencapai matlamat itu, kita tidak boleh mengambil jalan pintas dengan berbelanja lebih menggunakan kekayaan sumber asli yang sememangnya tidak kekal.

Kita juga tidak boleh menyerahkan sepenuhnya kepada kuasa pasaran dan mengabaikan keperluan memelihara keharmonian sosial.

Selepas mencapai status negara maju, usaha perlu diteruskan untuk mengekalkan kedudukan itu meskipun selepas 2020.

### Melonjak ke arah status berpendapatan tinggi

Pelaksanaan penuh dan mampan bagi pembaharuan yang disarankan Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) akan mendorong transformasi Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

MPEN menjangka pembaharuan yang berani akan menambahgiat pelaburan, mendorong produktiviti buruh dan merangsang kecekapan, lalu menaikkan kadar pertumbuhan benar kepada purata 6.5 peratus setahun dalam tempoh 2011-2020.

Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita akan meningkat kepada kira-kira AS\$17,700 menjelang 2020.

Senario ini mengandaikan tidak berlakunya satu lagi krisis ekonomi besar pada peringkat global yang boleh menggelincirkan ekonomi Malaysia keluar daripada landasan pertumbuhan ini.

Jika sasaran pertumbuhan KDNK hendak dicapai, maka permintaan agregat juga perlu tumbuh pada kadar yang bertenaga.

Pelaburan akan menjadi pendo-

# Ke arah ekonomi berpendapatan tinggi

## MPEN yakin pembaharuan bantu transformasi negara



### Matlamat Model Ekonomi Baru



rong utama pertumbuhan ekonomi melepasi 2020. Sumbangan daripada pelaburan swasta mesti kembali ke paras bermakna seperti yang dicapai pada 1997, iaitu mencecah hampir satu per lima daripada KDNK menjelang 2020 berbanding kira-kira satu per sepuluh pada 2010.

Pertumbuhan mampan juga akan disokong hemat fiskal. MEB mahu defisit fiskal dikurangkan lagi ke paras hampir seimbang menjelang 2020.

Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan, iaitu kira-kira 7.4 peratus daripada KDNK, mencecah paras puncak pada 2009 dan dijangka menurun kepada 5.6 peratus daripada KDNK pada 2010.

Sentimen pasaran akan bertambah baik lagi jika defisit fiskal ini dikurangkan lagi.

### Menjanakan manfaat untuk semua rakyat

Keterangkuman adalah matlamat kedua dan adalah komponen

utama MEB. Ini menjadi prasyarat untuk memupuk perasaan kekitaan.

Pertumbuhan yang menyokong golongan miskin akan memastikan tiada kumpulan yang akan dipinggirkan dan keperluan asas rakyat akan dipenuhi.

Keluarga akan diberi peluang dan keupayaan memburu impian mereka di bandar, pekan dan kampung yang moden, canggih dan mudah hubung.

Mereka akan tinggal, bekerja dan belajar di tempat yang bebas daripada berasa bimbang terhadap jenayah, penghinaan diskriminasi dan kekurangan keperluan.

Keterangkuman akan membolehkan semua komuniti menyumbang dan berkongsi kekayaan negara.

Walaupun kesaksamaan sempurna itu mustahil dicapai, namun masyarakat yang terangum akan memastikan masalah ketidaksamaan ini tidak akan menjadi lebih buruk.



# MODEL EKONOMI BARU UNTUK MALAYSIA



## Mencapai keseimbangan antara kaum

Empat program tindakan afirmatif pastikan peluang ekonomi dapat dinikmati secara adil

DARI MUKA 25

Masyarakat yang berpecah dari segi etnik lebih cenderung mencetuskan konflik ganas.

Komposisi penduduk Malaysia yang berbilang bangsa masih satu ciri unggulnya dan kepelbagaian etnik ini akan kekal bersama kita.

Namun, tumpuan berlebihan pada pengagihan sumber berasaskan etnik akan menimbulkan jurang keterpisahan dan pertelingkahan yang semakin buruk.

Cabaran utama pertumbuhan terangkum ialah pembentukan langkah berkesan yang mencapai keseimbangan antara kedudukan istimewa Bumiputera dengan kepentingan sah kumpulan yang lain.

Justeru, program tindakan afirmatif mesra pasaran yang seiring dengan prinsip keterangkuman akan:

- Menyasarkan bantuan kepada isi rumah dalam kumpulan 40 peratus terendah yang 77.2 peratus ialah Bumiputera dan ramai yang berada di Sabah dan Sarawak.

- Memastikan peluang yang saksama dan adil melalui proses yang telus.

- Menyediakan akses kepada sumber berasaskan keperluan dan merit bagi menambahbaik keupayaan, pendapatan dan kesejahteraan.

- Mempunyai rangka kerja institusi mantap demi pemantauan lebih baik dan pelaksanaan yang berkesan.

Program tindakan afirmatif yang telus dan mesra pasaran adalah bertumpu pada pembinaan keupayaan dan kemampuan isi rumah berpendapatan rendah dan perniagaan kecil, bukannya memenuhi syarat dalam mencapai kuota atau sasaran tertentu.

Program Transformasi Ekonomi (PTE) akan mewujudkan mekanisme untuk mengukuhkan keupayaan isi rumah dalam kumpulan 40 peratus terendah supaya mereka dapat mengambil kesempatan daripada peluang yang ada untuk mendapatkan pekerjaan lebih baik, meningkatkan produktiviti dan menambah pendapatan.

Kumpulan ini akan dibantu dengan program membina kemahiran supaya dapat menggunakan naluri keusahawanan bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka.

Ini akan menambahbaikkan taraf, peluang dan prospek kehidupan mereka.

Amalan dulu yang membiakkan aktiviti merentir (rent-seeking) dan kuasa naungan (patronage) yang tidak sihat serta menular akan dihindarkan.

### Empat Tonggak Transformasi Negara

#### Wawasan 2020



#### Keluar daripada pendapatan rendah

Matlamat Dasar	Langkah Dasar yang Mungkin
Mengurangkan ketaksamaan pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Meneruskan program sokongan untuk kumpulan tidak bernasib baik</li> <li>■ Memberikan tumpuan pada isi rumah dan pemilik perniagaan yang berada dalam kumpulan 40% terendah</li> <li>■ Mengalihkan tumpuan kepada kemiskinan relatif</li> <li>■ Meneruskan pertumbuhan sebagai cara mengurangkan kemiskinan</li> <li>■ 'Keanjalan Pertumbuhan bagi Kemiskinan' - ketaksamaan boleh mengurangkan impak pertumbuhan terhadap kemiskinan</li> </ul>
Mewujudkan tindakan afirmatif mesra pasaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Menggunakan prosedur dan kriteria yang telus</li> <li>■ Menggunakan tindakan afirmatif sebagai cara untuk merangsang pembinaan keupayaan dan kemampuan</li> <li>■ Menghentikan secara berperingkat pendekatan yang mewujudkan merentir (rent-seeking) dan kuasa naungan (patronage)</li> </ul>
Merapatkan jurang perbezaan wilayah	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Mengumpulkan skala dengan pembangunan kelompok ekonomi yang berkesan sebagai cara mengurangkan ketaksamaan wilayah, terutamanya di Sabah and Sarawak</li> <li>■ Meningkatkan langkah bagi menaikkan paras pendapatan melalui akses yang lebih baik dan penyediaan perkhidmatan sosial berkualiti dalam pendidikan dan kesihatan, terutamanya di Sabah and Sarawak</li> </ul>
Menggalakkan pemberian ganjaran berdasarkan pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Menggalakkan persaingan yang lebih hebat dalam ekonomi dengan menghapuskan perlindungan yang keterlaluan dan mempercepatkan liberalisasi sektor</li> <li>■ Merangka semula tindakan afirmatif supaya mengambil kira merit dan keperluan</li> <li>■ Menghentikan secara berperingkat pendekatan yang mewujudkan merentir (rent-seeking) dan kuasa naungan (patronage)</li> </ul>
Merangsang akses yang sama dan adil terhadap peluang	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Menekankan peluang yang sama dan adil untuk bidang pekerjaan, kesihatan dan pendidikan serta akses terhadap peluang perniagaan</li> <li>■ Menggunakan tabung kerajaan bagi jaring keselamatan sosial yang lebih luas untuk isi rumah dalam kumpulan 40% terendah sebelum subsidi dihapuskan</li> <li>■ Menubuhkan Dana Transformasi bagi membantu firma yang mengalami kesukaran semasa tempoh pembaharuan</li> <li>■ Menubuhkan Suruhanjaya Peluang Sama Rata untuk menangani diskriminasi dan layanan tidak adil</li> </ul>

#### Ciri-ciri Malaysia pada tahun 2020

- Berpandukan Pasaran
- Tadbir Urus yang Rapi
- Berintegriti Serantau
- Keusahawanan
- Inovatif

#### Penyelesaian yang mampu bertahan lama dari segi ekonomi dan alam sekitar

Komponen kebolehmapanan dalam MEB bertujuan memastikan semua langkah saranan yang diutarakan di bawah model baru itu mestilah mapan dari segi ekonomi

dan alam sekitar.

Kebergantungan Malaysia pada penggunaan sumber asli sebagai jentera utama pertumbuhan ternyata tidak mampan dalam kedua-dua aspek berkenaan.

Ini tidak bermaksud mencadangkan penggunaan sumber asli tidak harus menjadi komponen utama pengeluaran negara.

Namun, ini bererti di bawah model baru, keputusan pelaburan dan dasar hanya akan dibuat selepas menimbang semua impak jangka panjang terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar.

Kebolehmapanan ekonomi akan dipastikan menerusi pembentukan disiplin fiskal yang diperlukan bagi melindungi keseimbangan makroekonomi dan kestabilan kewangan.

Pembaharuan sektor awam adalah komponen penting bagi kebolehmapanan fiskal jangka panjang dan menjadi komponen utama MEB.

Pembaharuan perkhidmatan awam yang berterusan, termasuk peningkatan kemahiran dan latihan semula kakitangan akan menjadi kunci kepada peningkatan kecakapan perkhidmatan awam dan menjadikannya lebih fokus pelanggan.

Kebolehmapanan alam sekitar akan dicapai dengan menolak pendekatan tradisional terhadap pertumbuhan ekonomi yang terlampau mengabaikan alam sekitar.

Sungguhpun sudah wujud sedikit keprihatinan mengenai alam sekitar, namun dasar lalu bertumpu kepada isu penyampaian pertumbuhan yang kemudian diikuti oleh langkah menangani isu alam sekitar.

Pada masa depan, penekanan sama mesti diberikan kepada soal perlindungan alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi.

Pengukuran KDNK konvensional bagi pertumbuhan ekonomi tidak mengambil kira kos terhadap masyarakat yang timbul akibat kemerosotan alam sekitar.

Perkembangan terbaru konsep 'KDNK Hijau' akan memungkinkan pertimbangan wajar diberikan mengenai impak pertumbuhan terhadap alam sekitar dan pembentukan langkah sesuai bagi menangani masalah alam sekitar.

MEB berusaha mewujudkan pertumbuhan mampan yang memenuhi keperluan berterusan penduduk tanpa menjejaskan generasi akan datang menerusi pengawasan dan pemuliharaan berkesan alam semula jadi dan sumber mudah lupus.

Pendekatan baru ini sangat relevan dengan pengurusan air serta sumber minyak dan gas.



# MODEL EKONOMI BARU UNTUK MALAYSIA



DARI MUKA 26

## Penerima manfaat mutlak: Rakyat dan perniagaan

MPEN menjangkakan suatu siri manfaat yang akan sampai kepada semua rakyat jika langkah dasar MEB dilaksanakan dengan konsisten dan sepenuhnya. Bagaimanapun, kita mesti menyedari penyampaian pelbagai manfaat ini memerlukan masa.

Sementara itu, beberapa segmen penduduk mungkin melihat impak negatif lebih daripada manfaat ataupun mereka mendapat manfaat yang kurang berbanding orang lain.

Kerajaan mesti berupaya menyampaikan kesaksamaan hakiki manfaat ini pada kemudian hari, menggesa komitmen diberikan kepada proses dan mewujudkan visi kebaikan bersama jangka panjang.

Disebabkan keperluan terhadap ketepatan masa dan urutan tindakan dasar yang betul, PTE akan menyediakan jaring keselamatan lebih baik dan dana transformasi untuk melindungi pelbagai komuniti ketika tempoh peralihan sebelum manfaat direalisasikan sepenuhnya.

Orang ramai perlu lebih memahami penyelarasan dan perubahan secara teratur diperlukan jika mahu melihat matlamat MEB tercapai.

Manfaat bagi perniagaan akan diperoleh daripada kesaksamaan alam sekitar lebih baik, ekosistem lebih berkesan dan pasaran lebih cekap bagi memudahkan pelaburan dan operasi.

## Ciri Teras MEB

Bagaimanakah keadaan Malaysia pada 2020? Pada masa depan, MEB akan melahirkan Malaysia yang terkenal dengan transformasi kukuh, hasil kepintaran rakyatnya yang ditunjukkan kepelbagaiannya yang harmoni dan tradisi budayanya yang kaya.

Ekonominya kelak adalah berbandukan pasaran, ditadbir urus dengan rapi, berintegrasi serantau, berorientasikan keusahawanan dan inovatif.

Sektor swasta akan menjadi penggerak utama pertumbuhan dalam pelaburan berbandukan pasaran dan pengeluaran semakin dikuasai oleh barangan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dalam persekitaran yang bersaing.

Kerajaan akan menjadi fasilitator yang cekap menerusi rangka kerja kawal selia yang rapi, seimbang, fokus pasaran dan membantu pasaran.

Kerajaan akan terus berperanan menangani gangguan daripada kegagalan pasaran yang tidak dapat dielakkan.

Institusi kerajaan dengan tadbir

## Manfaat untuk rakyat

Dalam ekonomi berpendapatan tinggi, rakyat boleh menjangkakan:	Semua rakyat akan berasa terangkum berikutan:	Pendekatan mampan akan memberi rakyat:
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pilihan yang lebih banyak dan kuasa beli yang lebih dan kuasa beli yang lebih tinggi</li> <li>Kualiti hidup yang lebih baik</li> <li>Peluang bagi meningkatkan mobiliti</li> <li>Ganjaran bagi inovasi dan kreativiti</li> <li>Keyakinan yang lebih tinggi terhadap kekukuhan ekonomi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hidup dan bekerja dalam persekitaran yang selamat</li> <li>Akses kepada maklumat yang sama rata dan mudah sama rata dan mudah</li> <li>Saling menghormati dan maruah individu</li> <li>Setiap bahagian di negara ini – sama ada negeri, bandar, pekan atau kampung – penting</li> <li>Golongan miskin tidak akan dilupakan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keyakinan terhadap kerajaan</li> <li>Persekitaran yang lebih baik</li> <li>Pertumbuhan mampan</li> <li>Pengurusan dan pemuliharaan sumber yang mantap</li> </ul>


# Dasar MEB beri manfaat holistik

Menjelang 2020 negara akan lebih kukuh dari segi masyarakat, ekonomi



RAKYAT mendapat manfaat prasarana dan infrastruktur lebih baik.

## Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita (1990 - 2008; ribu AS\$)



Sumber: Nationmaster Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia

urus rapi dan lebih cekap dipertanggungjawabkan terhadap hasil berasaskan pencapaian selaras dengan PTK dan memiliki kakitangan berkelayakan tinggi dengan keupayaan melaksanakan pelbagai tugas dan pada masa sama, memamerkan fleksibiliti serta dinamisme.

Firma swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat sivil akan menaruh hasrat untuk mencapai standard tadbir urus yang diterima pakai pada peringkat antarabangsa.

MEB akan menyediakan rangka kerja dan persekitaran untuk melahirkan semangat keusahawanan

bagi memanfaatkan sebaik-baiknya peluang pertumbuhan daripada pembiayaan yang tersedia.

Inovasi dan teknologi terkini akan menjanakan produk, perkhidmatan dan proses kreatif yang memiliki nilai tambah yang tinggi dalam arena teknikal, sosial dan institusi.

Semua ini akan menyumbang kepada perluasan pasaran melalui integrasi serantau dalam perdagangan dan perkhidmatan serta melalui pembentukan rantaian penawaran dan rangkaian pengeluaran rentas sempadan.

LIHAT MUKA 28



## MODEL EKONOMI BARU UNTUK MALAYSIA



# Malaysia perlu transformasi segera

Kerajaan patut sampaikan visi MEB dengan jelas supaya difahami semua pihak

DARI MUKA 27

### MEB – Cara baru 'menjalankan perniagaan' di Malaysia

Dalam menggerakkan Malaysia ke arah ciri teras MEB, MPEN mendukung pendekatan baru dan berani untuk merealisasikan potensi pertumbuhan negara. Pendekatan baru ini digambarkan dengan jelas dari sudut perbezaan beberapa elemen dalam pendekatan yang lama.

### Bagaimanakah kita sampai ke sana?

Malaysia memerlukan transformasi segera. Ini akan diberikan oleh melalui lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) dan PTE. Pemungkin terpenting MEB ialah keazaman dan kepemimpinan politik untuk memecahkan kebuntuan hasil rintangan daripada kumpulan berkepentingan dan menyediakan rakyat untuk menyokong perubahan berbentuk akar umbi dalam hala tuju dasar. Dengan adanya pemungkin ini, suatu 'tolakan besar' dalam tindakan dan inisiatif dasar diperlukan untuk memulakan proses transformasi.

Tolakan ini mesti mencetuskan momentum mencukupi untuk mengatasi rintangan yang boleh membantutkan kemajuan. Apabila pembaharuan bermula, maklum balas berterusan perlu bagi menyelaraskan dasar dan mengekalkan landasannya.

### Kepemimpinan mantap dan keazaman politik


Keazaman dan kepemimpinan politik mesti memberikan penekanan kepada penjelasan yang koheren tentang visi dan agenda MEB serta proses transformasi.

Ini memerlukan rancangan MEB dibentangkan secara terperinci, termasuk indikator yang memperlihatkan tindakan yang mungkin membawa kesan negatif kepada beberapa lapisan masyarakat.

Tujuannya untuk mencetuskan gelombang sokongan yang tidak dapat disekat yang muncul daripada semua lapisan masyarakat terhadap visi ini. Namun, untuk memulakan proses ini, kerajaan sedar keputusan yang sangat sukar perlu dibuat secara serentak.

Kepemimpinan politik mesti jelas

### Model Ekonomi Baru: Pemungkin dan Inisiatif Pembaharuan Strategik



### Manfaat untuk perniagaan

Persekitaran saksama yang membolehkan pelabur berkembang maju, termasuklah:	Ekosistem berkesan bagi operasi perniagaan akan melibatkan:	Pasaran cekap akan memberikan peluang pelaburan dan pertumbuhan melalui:
<ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Hak Perniagaan</b> Pengiktirafan hak yang sewajarnya dan tanggungjawab pemilik perniagaan yang sewajarnya</li> <li>● <b>Kedaulatan Undang-Undang</b> Keupayaan untuk mengurus perniagaan dengan jaminan sistem undang-undang yang adil dan boleh dipercayai</li> <li>● <b>Kebebasan Pemilikan</b> Bebas untuk memiliki sepenuhnya perniagaan sendiri dan memilih rakan niaga</li> <li>● <b>Harta Intelekt</b> Aset intelektual akan dilindungi</li> <li>● <b>Pengiktirafan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)</b> Peraturan adalah bersesuaian dan seimbang dengan perniagaan kecil</li> <li>● <b>Ketelusan Pasaran</b> Tiadanya merentir (rent-seeking) dan kuota, dengan sokongan kepada perniagaan bersandarkan prinsip pasaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Perkhidmatan Awam</b> Kelulusan lebih pantas merentasi semua peringkat</li> <li>● <b>Kecekapan Pelesenan</b> Penghapusan pelesenan yang tidak perlu dan beban kawal selia yang tidak wajar</li> <li>● <b>Kelompok Dinamik</b> Manfaat diperolehi daripada skala melalui pengelompokan dan perangkaian industri</li> <li>● <b>Modal Insan</b> Akses lebih baik terhadap bakat yang terbaik berdasarkan keupayaan membayar</li> <li>● <b>Pendanaan</b> Akses yang fleksibel dan pantas terhadap pendanaan PKS di bawah peraturan tadbir urus yang kukuh</li> <li>● <b>Mahkamah yang Cekap</b> Penyelesaian pantas bagi pertikaian undang-undang</li> <li>● <b>Dana Transformasi</b> Akses adil terhadap bantuan istimewa semasa tempoh peralihan ekonomi</li> <li>● <b>Integrasi Serantau</b> Pasaran serantau yang berintegrasi dan menyokong perkembangan maju supaya menjadi peneraju serantau</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Ketelusan</b> Keyakinan terhadap keterbukaan dan keadilan tender kerajaan</li> <li>● <b>Penentuan Harga Pasaran yang Adil</b> Dengan kekecualian yang minimum, subsidi dan kawalan harga akan dimansuhkan</li> <li>● <b>Bebas Halangan</b> Keupayaan untuk beroperasi di gelanggang yang rata (level playing field) yang diwujudkan oleh penggubalan undang-undang persaingan</li> <li>● <b>Perkongsian Awam-Swasta</b> Peluang lebih banyak untuk bekerjasama dengan sektor awam dan SBK</li> </ul>

mengenai kesan timbal balik apabila sesetengah keputusan yang sukar ini dibuat. Kerajaan mesti mengambil tindakan segera apabila menghadapi rintangan dan mengekalkan landasannya.

Rintangan mungkin datang daripada komuniti perniagaan, termasuk industri terlindung, majikan buruh asing, pemegang lesen, penerima faedah subsidi dan mereka yang mahir menjalankan perniagaan cara lama.

Beberapa segmen rakyat yang tidak lagi layak mendapat subsidi dan geran kerajaan mungkin menentang keras manakala yang menikmati kerja yang terjamin dan gaya hidup stabil di bawah firma terlindung mungkin berasa terancam dan membantah.

Pihak berkenaan akan cenderung untuk melihat MEB dari perspektif 'untung' atau 'rugi'.

Justeru, visi MEB perlu disampaikan dengan jelas supaya difahami semua pihak. MPEN menekankan pentingnya Kerajaan menangani situasi politik dengan sewajarnya.

Keamanan dan keharmonian di Malaysia mesti dipelihara ketika menghadapi gangguan yang mungkin timbul, buat sementara, daripada pelaksanaan PTE.

LIHAT MUKA 29



# MODEL EKONOMI BARU UNTUK MALAYSIA



DARI MUKA 28

## Dapatkan sokongan rakyat untuk gerak perubahan

**M**endapat sokongan pihak berkepentingan dan orang ramai terhadap MEB akan membabitkan proses politik. Pucuk pimpinan politik arif dalam hal ini. Bagaimanapun, MPEN mencadangkan beberapa langkah yang amat penting dalam usaha nasional ini bagi menyediakan dan melaksanakan PTE.

Walaupun ketika penerangan kepada orang awam sedang berjalan, kumpulan sama ini yang ditugaskan untuk memantau pelaksanaan PTE mesti mengatur proses teknikal yang rapi untuk mengumpulkan maklumat bagi melaporkan kemajuan PTE kepada semua pihak berkepentingan.

Pembabitkan semua pihak berkepentingan adalah mustahak atas dua sebab: pertama, untuk memupuk sokongan melalui komunikasi yang jelas dan kedua, melihat perapian dan penambahbaikan dalam tindakan dasar. Pada masa sama, pucuk pimpinan politik dan intelektual mesti terus di benteng depan dalam proses transformasi ini.

## 'Tolakan besar' langkah dan inisiatif dasar serentak

Dengan pembabitkan pucuk pimpinan dan rakyat, tolakan besar sekelompok langkah dasar IPS mesti diumumkan secara serentak.

Disebabkan IPS bersifat berjalin (cross-cutting), maka urutan tindakan dasar adalah sangat penting bagi mencapai impak dan hasil.

Terdapat tindakan dasar yang boleh dilaksanakan dengan segera manakala selebihnya mungkin memerlukan masa penyediaan lebih panjang untuk diperkenalkan.

Bagaimanapun, penyediaan ini mesti dimulakan dengan segera. Pengenalan dasar secara sedikit demi sedikit dan tidak koheren adalah tidak konsisten dengan sifat berjalin (cross-cutting) yang ada pada IPS. Langkah dasar yang seiring IPS mesti bergerak bersama untuk merealisasikan pendapatan tinggi secara terangkum dan mampan.

## Ukur pencapaian dan lakukan penyesuaian ketika pelaksanaan

Kebanyakan usaha pembaharuan mempunyai strategi dan rancangan pelaksanaan tetapi mekanisme maklum balas yang rapi sering kali tidak wujud untuk menilai keberkesanan pelaksanaan bagi membolehkan langkah penyesuaian dibuat. Selalunya, ketika sesuatu dasar atau strategi dilaksana-

# Mekanisme maklum balas rapi pantau MEB

## Pelaksanaan dinilai memudahkan langkah penyesuaian

### Mencerdaskan sektor swasta

Matlamat Dasar	Langkah Dasar yang Mungkin
<b>Menyasarkan produk dan perkhidmatan nilai tambah yang tinggi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjajarkan insentif bagi memupuk pelaburan dalam aktiviti nilai tambah tinggi yang menjanakan kesan limpahan</li> <li>Menyesuaikan insentif untuk memenuhi keperluan setiap firma</li> <li>Memudahkan Pelaburan Langsung Asing (PLA) dan Pelaburan Langsung Domestik (PLD) dalam industri/sector yang pesat berkembang</li> </ul>
<b>Menghapuskan halangan dan kos untuk menjalankan perniagaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghapuskan herotan dalam peraturan dan pelesenan, termasuk penggantian sistem <i>Approved Permit (AP)</i> dengan senarai import yang negatif</li> <li>Memperkenalkan proses pelesenan 'Satu Tingkap' melalui portal e-Kerajaan supaya merangkumi kerajaan tempatan dan negeri</li> </ul>
<b>Membentuk ekosistem bagi keusahawanan dan inovasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan penyertaan langsung Kerajaan dalam ekonomi</li> <li>Mengeluarkan SBK dari industri yang mana sektor swasta beroperasi dengan berkesan</li> <li>Pelancaran jalur lebar seluruh ekonomi</li> <li>Memastikan SBK beroperasi atas dasar komersial semata-mata, bebas daripada campur tangan kerajaan</li> </ul>
<b>Menggalakkan kecekapan melalui persaingan sihat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan proses yang cekap dan telus bagi perolehan kerajaan pada semua peringkat</li> <li>Meratakan gelanggang (<i>level playing field</i>) bagi sektor swasta melalui aturan standard yang telus</li> <li>Menyokong persekitaran persaingan yang lebih kukuh dengan undang-undang persaingan</li> </ul>
<b>Merangsang pertumbuhan PKS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyokong PKS dalam bidang yang inovatif dan yang maju teknologinya</li> <li>Memudahkan akses yang tepat masa terhadap pendanaan bagi aktiviti perniagaan</li> </ul>
<b>Melahirkan peneraju serantau</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggalakkan perkongsian SBK dengan syarikat sektor swasta</li> <li>Membentuk jaringan serantau yang agresif - ASEAN, China, India, Asia Barat</li> <li>Menambahbaikkan manfaat Perjanjian Dagang Bebas (FTA)</li> </ul>

kan, keadaan untuk mencapai objektifnya akan berubah dan menjadikan dasar terdahulu kurang sesuai.

Tanpa mekanisme maklum balas yang formal, penyesuaian dasar mungkin menjadi *ad hoc* dan tidak selaras, lalu mengakibatkan pelak-

sanaan bercelaru dengan kurangnya akauntabiliti dan saluran yang terbatas untuk menangani aduan orang ramai.

Kesannya, berlaku kegagalan pembaharuan yang menjejaskan pula kebolehpercayaan dan menimbulkan persoalan tentang akaun-

tabiliti institusi pelaksana.

MEB mesti mewujudkan mekanisme maklum balas rapi untuk memantau kemajuannya, kebolehterimaannya oleh orang ramai dan keperluan terhadap penyesuaian dan penyelarasan mengikut keadaan domestik dan antarabangsa.

## Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS)

MPEN percaya sangat penting untuk mendapatkan sokongan pihak berkepentingan terhadap rancangan pelaksanaan yang terperinci bagi setiap IPS. Pada masa ini, MPEN hanya mengemukakan parameter secara umum di bawah setiap IPS dan diperhalusi pada masa akan datang setelah perbincangan dan pengaturan dilakukan bersama semua pihak berkepentingan.

Kami mengenal pasti lapan IPS penting bagi mencapai MEB. MPEN menyedari banyak langkah dasar yang menyokong IPS adalah sama ada sedang dirancang atau telah dimulakan oleh kerajaan. Saranan MPEN untuk menambah nilai dengan memantap dan meningkatkan usaha dasar yang sedang berjalan.

### IPS 1: Suburkan kembali sektor swasta

Sektor swasta perlu bangkit dan menyanggah profil lebih tinggi dalam transformasi negara. Sepanjang sejarah yang tercatat, ekonomi mengalami pertumbuhan jangka panjang terjamin berterusan melalui inisiatif keusahawanan sektor swasta, didorong insentif ekonomi yang menggalakkan individu mengambil pandangan jauh dan mengelak daripada sikap suka mengambil kesempatan jangka pendek. Sesetengah langkah dasar yang mungkin berkaitan dengan penyuburan semula sektor swasta.

### IPS 2: Bangunkan tenaga kerja berkualiti, kurangkan pekerja asing

Pasaran buruh mesti berfungsi dengan lancar: pekerjaan dan pekerja mesti dipadankan dengan cekap untuk meningkatkan produktiviti dan dengan itu meningkatkan upah untuk semua.

Penyesuaian pasaran buruh mestilah lancar: pekerja perlu segera mendapat kerja yang layak dengannya; kerja ini pula mesti segera menarik pekerja yang layak, termasuk mereka dari luar negara.

Pada masa sama, asas bakat Malaysia mesti ditingkatkan. Sistem pendidikan berkualiti yang memupuk pekerja mahir, bersifat ingin tahu dan inovatif untuk terus menerus mendorong produktiviti ke hadapan adalah asas pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Pendapatan tinggi datang daripada insan mahir yang menggunakan bakat untuk menghadapi cabaran ekonomi dengan cemerlang.

LIHAT MUKA 30





## MODEL EKONOMI BARU UNTUK MALAYSIA



# Sektor awam terus diperkukuh

DARI MUKA 31

### Suruhanjaya Peluang Sama Rata ditubuh elak diskriminasi

#### IPS 4: Mengukuhkan sektor awam

Institusi awam mesti disusun semula. Institusi awam tidak harus menduplikasikan fungsi dijalankan dengan baik sektor swasta.

Sebaliknya, ia seharusnya berusaha memikul tugas yang tidak dapat dilaksanakan sektor swasta.

Penyampaian perkhidmatan kerajaan mesti cekap dan berkesan, menggunakan pendekatan 'menyeluruh kerajaan' bagi memudahkan operasi sektor swasta.

Pengurusan fiskal mesti dikuatkan supaya merangkumi ketelusan lebih tinggi dan untuk memberikan insentif yang betul.

Asas hasil kerajaan mesti dipelbagaikan dan perbelanjaan diperkemas untuk merangsang penggunaan hasil lebih baik.

#### IPS 5: Tindakan afirmatif yang telus dan mesra pasaran

Komponen utama keterangkuman adalah untuk memupuk peluang ekonomi sama dan adil.

Institusi dan program tindakan afirmatif sedia ada akan diteruskan dalam MEB, tetapi selaras dengan pandangan pihak berkepentingan yang utama, akan disusun semula untuk menghapuskan ciri merentir

dan pemesanan pasaran yang telah menjejaskan keberkesanan program berkenaan.

Tindakan afirmatif akan mengambil kira semua kumpulan etnik dengan adil dan sama rata selagi mereka tergolong dalam kumpulan 40 peratus isi rumah berpendapatan rendah.

Program tindakan afirmatif akan didasarkan pada kriteria mesra pasaran dan berasaskan pasaran sambil mengambil kira keperluan dan merit pemohonnya.

Suruhanjaya Peluang Sama Rata akan ditubuhkan untuk memastikan keadilan dan menangani diskriminasi tidak wajar apabila berlakunya penyalahgunaan kumpulan yang dominan.

#### IPS 6: Membina infrastruktur berasaskan pengetahuan

Transformasi ekonomi dalam sektor perindustrian, pertanian dan perkhidmatan adalah proses yang

memerlukan inovasi berterusan dan pertumbuhan produktiviti dengan kemajuan teknologi dan dorongan keusahawanan.

Penggunaan proses selaras amalan baik dan standard antarabangsa akan menambahbaikkan peluang bagi firma Malaysia untuk berjaya dalam pasaran global.

LIHAT MUKA 32

### Pasaran yang rancak dan pilihan yang lebih banyak

Matlamat Dasar	Langkah Dasar yang Mungkin
<b>Menambahbaikkan kecekapan ekonomi melalui persaingan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Mengukuhkan persekitaran persaingan dengan memperkenalkan undang-undang perdagangan adil</li> <li>■ Menambahbaikkan undang-undang persaingan bagi melindungi kepentingan firma domestik sebelum meliberalisasikan sektor kepada firma asing</li> <li>■ Menubuhkan Suruhanjaya Peluang Sama Rata untuk mengurangkan amalan diskriminasi dan tidak adil</li> <li>■ Mengkaji semula halangan kemasukan yang ada dalam sektor barangan dan perkhidmatan</li> <li>■ Menerapkan amalan baik dan standard antarabangsa bagi industri tempatan supaya tinggi daya saingnya</li> </ul>
<b>Membina keusahawanan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Menyusun semula dana modal mula (<i>seed capital</i>) dan modal usaha niaga (<i>venture capital</i>) bagi menyokong usahawan yang sedang meningkat</li> <li>■ Memudahkan undang-undang kebangkrapan yang berhubung dengan syarikat dan individu bagi merangsang keusahawanan yang bertenaga</li> <li>■ Memberikan sokongan kewangan dan teknikal kepada PKS dan perniagaan mikro supaya mereka dapat menganjak naik pada rantaian nilai</li> </ul>
<b>Menghapuskan herotan pasaran yang mengakibatkan penyalahgunaan sumber</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Menghentikan secara berperingkat kawalan harga dan subsidi yang memesongkan pasaran bagi barangan dan perkhidmatan</li> <li>■ Menggunakan tabungan kerajaan bagi jaring keselamatan sosial yang lebih luas untuk isi rumah dalam kumpulan 40% terendah sebelum subsidi dihapuskan</li> <li>■ Menubuhkan Dana Transformasi bagi membantu firma yang mengalami kesukaran semasa tempoh pembaharuan</li> </ul>

### Kerajaan yang cekap dan fokus pelanggan

Matlamat Dasar	Langkah Dasar yang Mungkin
<b>Menambahbaikkan proses pembuatan keputusan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Menggunakan pendekatan 'menyeluruh kerajaan' (<i>whole-of-government approach</i>) untuk memberikan perkhidmatan berintegrasi</li> <li>■ Memperkasakan entiti negeri dan tempatan untuk menjalankan tugas mereka di peringkat setempat</li> <li>■ Menggalakkan input dan autoriti tempatan yang lebih besar dalam pembangunan ekonomi untuk menyokong perbezaan dan keperluan wilayah</li> <li>■ Membangunkan proses untuk pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang berkesan bagi langkah dasar</li> <li>■ Memperkasakan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) supaya menjadi agensi sehenti (<i>one stop center</i>) yang berkesan untuk memudahkan pelaburan asing</li> <li>■ Menyusun semula Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) supaya menjadi lebih berkesan dalam mendorong perbaikan produktiviti dan kecekapan</li> </ul>
<b>Menambahbaikkan penyampaian perkhidmatan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Merubah kerajaan menjadi cekap, mengamalkan perundingan dan fokus penyampaian</li> <li>■ Meningkatkan kemahiran kakitangan bagi membolehkan mereka melaksanakan pelbagai tugas</li> <li>■ Memodenkan pengurusan sumber manusia untuk menyesuaikan kelayakan dengan pekerjaan</li> </ul>
<b>Mengurangkan 'kos geseran'</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Tidak bertolak ansur terhadap rasuah</li> <li>■ Menangani struktur tadbir urus yang lemah</li> <li>■ Menggubal kod amalan baik</li> <li>■ Melaksanakan proses yang terbuka, cekap dan telus bagi perolehan kerajaan pada semua peringkat</li> </ul>
<b>Menyediakan jaring keselamatan bagi memudahkan peralihan berjalan lancar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Memikul peranan sokongan bagi jaring keselamatan untuk menstabilkan dan membetulkan tempoh dan kejadian kegagalan pasaran</li> <li>■ Menggunakan tabungan kerajaan bagi jaring keselamatan sosial yang lebih luas untuk isi rumah dalam kumpulan 40% terendah sebelum subsidi dihapuskan</li> <li>■ Menubuhkan Dana Transformasi bagi membantu firma yang mengalami kesukaran semasa tempoh pembaharuan</li> </ul>
<b>Mengukuhkan pengurusan kewangan awam</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Meluaskan asas cukai, contohnya Cukai Barangan dan Perkhidmatan</li> <li>■ Menurunkan kadar cukai pendapatan perseorangan dan syarikat</li> <li>■ Menerapkan kriteria terpiawai bagi penerimaan hasil negeri</li> <li>■ Menggunakan bajet berasaskan pencapaian</li> <li>■ Melaksanakan bajet jangka sederhana yang berasaskan program</li> <li>■ Menerapkan piawaian antarabangsa untuk ketelusan ?skal</li> <li>■ Menggunakan teknologi untuk pungutan duti dan cukai yang cekap</li> </ul>



## MODEL EKONOMI BARU UNTUK MALAYSIA



# Ekonomi bidangan diberi tumpuan

Sumber asli dipulihara, lindungi kepentingan untuk generasi masa depan

DARI MUKA 30

### IPS 7: Meningkatkan sumber pertumbuhan

Malaysia mesti memanfaatkan lokasi strategiknya dan kelebihan berbanding yang datang daripada anugerah sumber aslinya untuk mewujudkan platform pengeluaran yang mendorong pertumbuhan nilai tambah yang tinggi dengan kesan limpahan.

Ekonomi ikut bidangan mesti diberikan tumpuan melalui koridor pertumbuhan untuk menyuburkan pengembangan berpotensi ke dalam pasaran baru, seperti output pertanian hiliran, eko pelancongan, penjaan tenaga alternatif dan pengurangan perubahan iklim.

### IPS 8: Memastikan kebolehpercayaan pertumbuhan

Memulihara sumber asli kita dan melindungi kepentingan generasi masa depan mesti dimudahkan dengan melaksanakan dasar penentuan harga, kawal selia dan dasar strategik untuk mengurus sumber mudah lupus dengan cekap.

### Masa depan cerah. Masa depan ialah Malaysia

Matlamat Dasar	Langkah Dasar yang Mungkin
<b>Memulihara sumber asli</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan penentuan harga, rangka kawal selia dan dasar strategik yang sesuai untuk mengurus sumber mudah lupus dengan mampan</li> <li>Menggalakkan semua sektor supaya menerima pakai 'teknologi hijau' dalam pengeluaran dan proses</li> <li>Membangunkan dasar tenaga yang komprehensif</li> </ul>
<b>Memanfaatkan kelebihan berbanding bagi produk dan perkhidmatan nilai tambah yang tinggi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan tumpuan pada pengeluaran dan perkhidmatan nilai tambah tinggi hiliran</li> <li>Membangunkan dasar tenaga yang komprehensif</li> </ul>
<b>Memenuhi komitmen antarabangsa</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan <i>carbon footprint</i> sejajar dengan komitmen kerajaan</li> <li>Menguatkuasakan piawaian udara dan air bersih dalam menggunakan sumber asli, iaitu pengurangan pencemaran</li> </ul>
<b>Memudahkan pemberian pinjaman dan pembiayaan bank bagi 'pelaburan hijau'</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan keupayaan perbankan untuk menilai kelulusan kredit bagi pelaburan hijau yang menggunakan kriteria berasaskan bukan cagaran</li> <li>Meloggarkan kemasukan pakar asing yang mengkhusus dalam analisis kewangan yang berkaitan dengan daya maju projek teknologi hijau</li> <li>Menyokong pelaburan teknologi hijau dengan memberikan penekanan lebih kepada dana modal usaha niaga (<i>venture capital</i>)</li> </ul>
<b>Memastikan kewangan awam yang kukuh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan penentuan harga, rangka kawal selia dan dasar strategik yang sesuai untuk mengurus sumber mudah lupus dengan mampan</li> <li>Mengurangkan pembaziran dan menghindarkan kos lebih melalui pengawalan perbelanjaan yang lebih baik</li> <li>Mewujudkan proses perolehan kerajaan yang terbuka, cekap dan telus</li> <li>Menerapkan amalan baik antarabangsa dalam ketelusan fiskal</li> </ul>

Kebolehpercayaan kewangan awam melalui disiplin fiskal ketat, yang mewajibkan pembaziran dan kos lebih dikurangkan, adalah mercu tanda untuk memelihara keseimbangan makroekonomi dan kestabilan kewangan.

### Sekarang masa untuk berubah – Itulah yang Malaysia perlukan

Perbincangan di atas menggariskan unsur utama MEB disarankan. IPS membentangkan perubahan utama diperlukan untuk menggerakkan Malaysia ke arah menjadi negara maju.

Namun, ini bukan tanda tamatnya perjalanan kita, sebaliknya tanda bermulanya perjalanan kita.

Bagaimanapun, jalan di hadapan adalah jelas tetapi Malaysia akan tersesat jika tindakan segera tidak diambil.

Sesungguhnya, usaha MPEN ini belum sempurna. Langkah seterusnya untuk MPEN membantu merumuskan dasar terperinci bersama pihak berkepentingan dalam menyokong IPS yang disarankan.

Butiran langkah dasar akan dibentangkan dalam laporan Model Ekonomi Baru untuk Malaysia Bahagian ke-2 yang akan dikemukakan kepada kerajaan pada hujung tahun ini.

### Mencari bahagian terbaik ekonomi

Matlamat Dasar	Langkah Dasar yang Mungkin
<b>Mewujudkan nilai daripada penggerak pertama dan kelebihan berbanding yang lain</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti subsektor E&amp;E untuk membina kedalaman dan memupuk industri bitara (<i>niche</i>) yang baru dan untuk menguasai bahagian yang lebih besar sebagai hab pengedaran apabila berkembangnya perdagangan serantau</li> <li>Memberikan tumpuan kepada industri hiliran berkaitan minyak sawit untuk membangunkan teknologi dan inovasi asli atau mendapatkan teknologi bagi memenuhi permintaan pasaran yang baru</li> <li>Menggalakkan inovasi teknologi huluan untuk menghasilkan tandan buah baru yang mengeluarkan hasil yang lebih tinggi</li> <li>Menguasai bahagian lebih besar dalam pasaran pendidikan, pelancongan perubatan dan ekopelancongan melalui perkongsian domestik dan serantau</li> <li>Menggalakkan produk dan perkhidmatan yang mengurangkan perubahan iklim, contohnya bahan kitar semula</li> <li>Menggalakkan produk dan perkhidmatan berasaskan syariah, contohnya kewangan dan farmaseutikal</li> </ul>
<b>Mewujudkan integrasi yang lebih besar antara produk</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengintegrasikan perkhidmatan pendidikan dengan pembangunan perindustrian, sebagai contoh pusat kecemerlangan kejuruteraan dalam kelompok E&amp;E</li> <li>Memberikan keutamaan lanjut kepada industri logistik, memanfaatkan kemajuan jalan raya, pelabuhan dan infrastruktur ICT di Malaysia yang sudah tersedia</li> <li>Menambahbaikkan perkhidmatan pelancongan yang tekal dengan memastikan perkhidmatan berkualiti pada sepanjang rantai nilai (contohnya, seperti peningkatan kualiti perkhidmatan teksi yang buruk dan menambahbaikkan keselamatan diri untuk pelancong)</li> </ul>
<b>Mewujudkan pasaran baru</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguasai bahagian lebih besar sebagai hab pengedaran apabila berkembangnya perdagangan serantau</li> <li>Menambahbaikkan perkhidmatan maritim dan pelabuhan, dengan memanfaatkan teknologi</li> <li>Beralih kepada penjaan tenaga alternatif serta produk dan perkhidmatan yang menjimatkan tenaga</li> <li>Mengembangkan industri berorientasikan perkhidmatan ke pasaran serantau berdasarkan biodiversiti yang sedia wujud di Malaysia</li> </ul>
<b>Membina skala industri dan rangkaian pengeluaran bagi pengkhususan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggalakkan pembangunan berasaskan koridor di sekitar pusat tumpuan yang sesak ruangnya dan daerah pedalaman yang berhampiran, terutamanya untuk elektronik</li> <li>Menggalakkan persaingan antara tempat</li> <li>Industri kelompok memanfaatkan integrasi, skala dan kesalinghubungan</li> <li>Mengeksploitasi ekonomi ikut bidangan melalui rangkaian pengeluaran manakala rantai penawaran memanfaatkan lokasi - 'Kepantasan ke pasaran'</li> <li>Mewujudkan kehadiran global melalui pengambilalihan antarabangsa ke atas syarikat dalam bidang yang sama.</li> </ul>
<b>Memanfaatkan potensi inovasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menerapkan sistem inovasi terbuka untuk mendapatkan teknologi dan mengembangkan rangkaian</li> <li>Menyokong transformasi pantas PKS yang memiliki potensi ke arah inovasi</li> <li>Membangunkan industri yang menyokong pembangunan mampan, seperti penggunaan tumbuhan dan herba tradisional untuk penggunaan moden</li> </ul>
<b>Mengintegrasikan industri sektor benar dengan perkhidmatan kewangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan platform perdagangan komoditi dan produk bagi pengeluar domestik untuk meraih manfaat daripada inovasi dan pengembangan kewangan</li> <li>Menawarkan Malaysia sebagai hab serantau bagi pasaran hadapan dan juga pasaran semerta bagi komoditi</li> <li>Membangunkan produk kewangan berasaskan syariah untuk menyokong pengeluaran domestik dan pengurusan risiko bagi harga dan pengeluaran</li> </ul>